

**Malaysia Minta UNAOC Tangani Penindasan Berdasarkan Agama
Bernama
14 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia berpendapat plan strategik Perikatan Peradaban Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNAOC) bagi 2013-2018 wajar memberi penekanan tentang perlunya usaha membanteras semua bentuk penindasan, sikap tidak bertolak ansur, perlakuan negatif yang stereotaip dan keganasan kerana agama atau kepercayaan seseorang.

Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) di New York Datuk Hussein Haniff berkata terdapat terlalu banyak kejadian betapa mereka yang tidak bertanggungjawab, menghina dan memfitnah penganut agama tertentu.

"Ini menimbulkan akibat yang amat buruk," katanya dalam kenyataan pada Mesyuarat Kumpulan Rakan UNAOC peringkat wakil tetap pada Isnin.

Beliau berkata Malaysia juga berpendapat perikatan itu perlu memberi fokus terhadap program pembangunan sosioekonomi di wilayah yang tidak diberi hak untuk bersuara dan kawasan kurang maju.

"Perikatan ini perlu menangani ketidakadilan sosial yang boleh mengakibatkan tercetusnya pergaduhan antara pelbagai etnik dan kumpulan agama," katanya.

Katanya bagi menyokong kegiatan UNAOC, Malaysia menganjurkan penubuhan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) bagi menentang semua bentuk pelampau.

"Dalam hubungan ini, Malaysia percaya pelan strategik berkenaan perlu meliputi cara untuk melibatkan orang ramai memupuk keamanan dan sikap sederhana, di samping mencari penyelesaian berkekal terhadap semua konflik dan krisis," katanya.

Beliau juga menyambut baik pemeteraian Pelan Tindakan 2013-2015 baru-baru ini antara Yayasan GMM dan Perikatan itu, yang akan merintis jalan ke arah kerjasama lebih rapat untuk memupuk sikap sederhana dan saling menghormati antara agama, peradaban dan budaya.

Hussein berkata kedua-dua pihak itu sering mengadakan perundingan untuk menyusun dan melaksanakan program yang bersifat konkrit serta pragmatik.

"Sebagai permulaan, program seperti ini boleh memberi fokus terhadap belia dan pelajar agar mereka terdedah kepada konsep kesederhanaan, yang akhirnya akan membantu merapatkan jurang perbezaan agama dan budaya dalam masyarakat masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949602>